

SONGKOK DAN CAPAI, SATU PERUSAHAAN TRADISI DARI  
KETURUNAN MELAYU MINANGKABAU

SITI MUKMINA BINTI JAAFAR

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**SONGKOK DAN CAPAL, SATU PERUSAHAAN TRADISI KETURUNAN  
MELAYU MINANGKABAU**

**SITI MUKMINA BINTI JAAFAR**

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
DENGAN KEPUJIAN**

**PUSAT PENGAJIAN BAHASA, KESUSASTERAAN DAN KEBUDAYAAN MELAYU  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI**

**2005**

## PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

5 April 2005

---

SITI MUKMINA BINTI JAAFAR  
A 87074

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnianNya dapat saya menyempurnakan kajian ini.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada Prof. Dr. Siti Zainon Ismail selaku penyelia saya yang telah banyak membimbing dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Segala dorongan, bimbingan, tunjuk ajar serta kesabaran yang telah diberikan amat saya hargai.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada pemilik Kedai Songkok Haji Ramli Hayati yang terletak di Wisma Yakin, Pak Usop tukang membuat songkok yang terkenal di Wisma Yakin dan Pak cik Sutan tukang membuat songkok di Pasar Minggu Kampung Baru serta En. Abdul Wahab, pemilik kedai Capal Cap Kancil Emas di Pasar Datuk Keramat yang telah banyak memberi kerjasama dan maklumat yang diperlukan bagi melengkapkan kajian ini.

Buat keluarga yang dikasihi, abah Jaafar Hamzah, bonda tersayang Shamariah Ghani, Sulong, Edy, adik-adik dan si comel 'Eicha' serta yang lain-lain. Pengorbanan, dorongan dan kasih sayang yang diberikan selama ini tidak ternilai harganya dan akan tersemat dalam hati.

Tidak lupa rakan seperjuangan, Shana, Sharifah, Sue, Elin, dan Alex yang banyak memberikan dorongan dan bantuan. Pengertian dan pengorbanan kalian amat dihargai.

SITI MUKMINA JAAFAR  
 LOT 503 KAMPUNG GUNTONG  
 16800 PASIR PUTEH  
 KELANTAN

## ABSTRAK

Songkok dan Capal merupakan salah satu daripada pakaian tradisi orang Melayu yang dikaitkan dengan kesenian dan budaya adat. Menyedari khazanah dan warisan budaya ini menghadapi kemungkinan pupus sebagai pakaian tradisi dari segi keasliannya terutama sekali pemakaian Capal, maka kajian ini cuba mengupas tentang perusahaan membuat serta menjual Capal dan Songkok oleh peniaga dan tukang yang berketurunan Melayu Minangkabau. Dalam kajian ini, beberapa buah kedai menjual serta membuat Songkok dan Capal di sekitar Kuala Lumpur iaitu di Pasar Minggu Kg. Baru, Pasar Datuk Keramat dan Wisma Yakin yang merupakan kawasan penempatan orang Minangkabau telah dipilih sebagai kawasan kajian. Daripada kajian yang dilakukan didapati perusahaan Songkok dan Capal ini adalah merupakan satu perusahaan yang begitu sinonim dengan keturunan Melayu Minangkabau dan perniagaan ini merupakan perniagaan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain. Malah perusahaan ini juga ternyata dapat merubah nasib dan memperbaiki taraf kehidupan golongan peniaga serta tukang Songkok dan Capal menjadi lebih baik. Kajian ini juga turut melihat sejarah perantauan golongan peniaga serta tukang Songkok dan Capal yang merupakan salah satu lumrah kehidupan atau sifat semulajadi orang Minangkabau. Malah kajian ini juga turut menyentuh tentang seni membuat Songkok dan Capal yang merupakan salah satu seni pertukangan yang sukar dilakukan. Kajian ini juga turut melihat sejarah pemakaian Songkok dan Capal serta fungsinya dalam budaya masyarakat Melayu hari ini. Akhir sekali, kajian ini turut memberikan beberapa cadangan dan saranan berdasarkan penemuan kajian yang dilakukan.

## KANDUNGAN

|              | HALAMAN |
|--------------|---------|
| PENGAKUAN    | ii      |
| PENGHARGAAN  | iii     |
| ABSTRAK      | iv      |
| KANDUNGAN    | v       |
| SENARAI FOTO | viii    |
| SINGKATAN    | ix      |

## BAB 1 PENDAHULUAN

|       |                              |    |
|-------|------------------------------|----|
| 1.1   | Pengenalan                   | 1  |
| 1.2   | Skop kajian                  | 6  |
| 1.3   | Fokus kajian                 | 8  |
| 1.4   | Tujuan kajian                | 9  |
| 1.5   | Permasalahan kajian          | 11 |
| 1.6   | Kajian lepas                 | 12 |
| 1.7   | Pendekatan Kajian            | 13 |
| 1.8   | Metodologi Kajian            |    |
| 1.8.1 | Penyelidikan di perpustakaan | 15 |
| 1.8.2 | Kajian lapangan              | 16 |
| 1.8.3 | Lain-lain                    | 18 |

## BAB 2 LATAR BELAKANG PENIAGA/TUKANG SONGKOK DAN CAPAL

|       |                                                  |    |
|-------|--------------------------------------------------|----|
| 2.1   | Pengenalan                                       | 19 |
| 2.2   | Sejarah kedatangan orang Minangkabau ke Malaysia | 20 |
| 2.3   | Latar belakang informan                          |    |
| 2.3.1 | Peniaga/tukang songkok                           |    |

|         |                                                                           |    |
|---------|---------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.3.1.1 | Peniaga/tukang songkok di pasar minggu Kg. Baru                           | 23 |
| 2.3.1.2 | Peniaga songkok di Wisma Yakin                                            | 24 |
| 2.3.1.3 | Tukang membuat songkok di Wisma Yakin                                     | 26 |
| 2.3.2   | Peniaga/tukang capal di pasar Datuk Keramat                               | 27 |
| 2.4     | Sejarah kedatangan peniaga/tukang songkok dan capal ke Malaysia           | 28 |
| 2.4.1   | Sejarah perantauan pemilik kedai songkok di Kg. Baru                      | 28 |
| 2.4.2   | Sejarah perantauan pengasas kedai songkok Hj. Ramli Hayati di Wisma Yakin | 30 |
| 2.4.3   | Sejarah perantauan pemilik kedai capal cap Kancil Emas                    | 31 |
| 2.5     | Keistemewaan orang Minangkabau dalam pelbagai seni pertukangan tangan     | 32 |
| 2.6     | Kesimpulan                                                                | 36 |

### BAB 3 PENGLIBATAN DALAM PERUSAHAAN MENJUAL SONGKOK DAN CAPAL

|       |                                                                 |    |
|-------|-----------------------------------------------------------------|----|
| 3.1   | Pengenalan                                                      | 38 |
| 3.2   | Penglibatan awal dalam perusahaan songkok dan capal             | 39 |
| 3.3   | Sejarah pembukaan kedai                                         |    |
| 3.3.1 | Kedai songkok Hj. Ramli Hayati                                  | 41 |
| 3.3.2 | Kedai songkok No. 25                                            | 44 |
| 3.3.3 | Kedai capal Cap Kancil Emas                                     | 46 |
| 3.4   | Modal                                                           | 47 |
| 3.4   | Tahap pendapatan dan perkembangan perniagaan songkok dan capal. | 49 |
| 3.5   | Jenis-jenis songkok dan capal yang dijual                       |    |
| 3.6.1 | Songkok                                                         | 52 |
| 3.6.2 | Capal                                                           | 55 |
| 3.7   | Masa depan perniagaan songkok dan capal                         | 57 |
| 3.8   | Kesimpulan                                                      | 59 |

### BAB 4 SENI MEMBUAT SONGKOK DAN CAPAL

|     |            |    |
|-----|------------|----|
| 4.1 | Pengenalan | 60 |
|-----|------------|----|

|       |                                                       |    |
|-------|-------------------------------------------------------|----|
| 4.2   | Seni membuat songkok                                  | 61 |
| 4.2.1 | Peralatan                                             | 62 |
| 4.2.2 | Bahan-bahan asas yang digunakan untuk membuat songkok | 63 |
| 4.2.3 | Langkah-langkah membuat songkok                       | 64 |
| 4.3   | Seni membuat capal                                    | 66 |
| 4.3.1 | Peralatan                                             | 67 |
| 4.3.2 | Bahan asas yang digunakan untuk membuat capal         | 69 |
| 4.3.3 | Langkah-langkah memproses capal                       | 71 |
| 4.4   | Kesimpulan                                            | 78 |

## BAB 5 PEMAKAIAN SONGKOK DAN CAPAL DALAM KEBUDAYAAN MASYARAKAT MELAYU

|       |                                                                      |    |
|-------|----------------------------------------------------------------------|----|
| 5.1   | Pengenalan                                                           | 80 |
| 5.2   | Pemakaian songkok                                                    |    |
| 5.2.1 | Pemakaian songkok dalam majlis perkahwinan                           | 81 |
| 5.2.2 | Pemakaian songkok sewaktu sembahyang                                 | 82 |
| 5.2.3 | Pemakaian songkok sewaktu menziarahi kematian                        | 83 |
| 5.2.4 | Pemakaian songkok sewaktu songkok hari raya Aidilfitri dan Aidiladha | 83 |
| 5.2.5 | Pemakaian songkok sewaktu menghadiri sebarang upacara persidangan    | 84 |
| 5.3   | Capal                                                                | 84 |
| 5.4   | Kesimpulan                                                           | 86 |

## BAB 6 PENUTUP

|     |         |    |
|-----|---------|----|
| 6.1 | Rumusan | 87 |
|-----|---------|----|

## SENARAI FOTO

| No. Foto |                                                                  | Halaman |
|----------|------------------------------------------------------------------|---------|
| 2.1      | Yustin Sutan Pangulu                                             | 24      |
| 2.2      | Mohd Khairulnas Basri                                            | 25      |
| 2.3      | Mohd Yusoff Hj. Siatar                                           | 26      |
| 2.4      | En. Abdul Wahab                                                  | 28      |
| 3.1      | Kedai songkok Hj.Ramli Hayati                                    | 43      |
| 3.2      | Kedai No. 25                                                     | 45      |
| 3.3      | Kedai capal Cap Kancil Emas                                      | 46      |
| 3.4      | Songkok hiasan songket                                           | 53      |
| 3.5      | Songkok yang dijual di kedai Hj. Ramli Hayati                    | 54      |
| 3.6      | Songkok yang dijual di kedai No. 25                              | 54      |
| 3.7      | Capal asli yang telah diwarnakan                                 | 55      |
| 3.8      | Capal songket                                                    | 56      |
| 3.9      | Capal pvc                                                        | 56      |
| 4.1      | Mesin blok                                                       | 67      |
| 4.2      | Mesin blok mengecop saiz dan jenama                              | 68      |
| 4.3      | Acuan untuk membentuk tapak capal                                | 68      |
| 4.4      | Alat yang digunakan untuk memasukkan tali hidung                 | 69      |
| 4.5      | Kulit lembu                                                      | 70      |
| 4.6      | Pvc                                                              | 71      |
| 4.7      | Kertas winnertex                                                 | 72      |
| 4.8      | Proses memblok kulit lembu                                       | 73      |
| 4.9      | Proses menampal gam pada kertas winnertex                        | 73      |
| 4.10     | Proses menebuk lubang untuk tali hidung                          | 74      |
| 4.11     | Proses memasang telinga capal                                    | 75      |
| 4.12     | Proses memasang tumit/damar                                      | 76      |
| 4.13     | Bahagian permukaan capal yang telah siap di jahit                | 76      |
| 4.14     | Proses memasukkan tali hidung capal                              | 77      |
| 4.15     | Capal yang telah siap dijahit bahagian permukaan dan tali hidung | 78      |

**SINGKATAN**

|      |                              |
|------|------------------------------|
| En.  | Encik                        |
| Hj.  | Haji                         |
| Kg.  | Kampung                      |
| Km.  | Kilometer                    |
| Pnyt | Penyunting                   |
| Terj | Terjemahan                   |
| RM   | Ringgit Malaysia             |
| DBKL | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur |

## **BAB LIMA**

### **PEMAKAIAN SONGKOK DAN CAPAL DALAM KEBUDAYAAN MASYARAKAT MELAYU**

#### **5.1 Pengenalan**

Songkok dan capal merupakan sebahagian daripada pakaian adat dan tradisi masyarakat Melayu. Malah kedua-dua bentuk pakaian ini pernah mencapai zaman kegemilangan pemakaiannya pada suatu ketika dahulu, tetapi apa yang menyedihkan pada hari ini pemakaian pakaian ini seakan-akan mula dipinggirkan oleh orang Melayu sendiri. Memang tidak dinafikan, pemakaian songkok dikalangan orang-orang Melayu masih lagi dapat lihat dengan jelas, terutama sekali sewaktu mereka bersembahyang, menyambut hari raya Aidilfitri dan Aidiladha serta sewaktu terlibat dengan sebarang persidangan.

Boleh dikatakan pemakaian songkok masih lagi diterima oleh masyarakat Melayu tetapi pemakaiannya tidaklah sehebat di awal kemunculan pakaian ini. Pemakaian capal pula adalah jelas sekali telah dipinggirkan oleh generasi muda hari ini, capal hanya dipakai oleh kebanyakan kaum lelaki sewaktu menyambut hari raya Aidilfitri sahaja itupun hanyalah segelintir sahaja yang memilih untuk memakainya. Bab ini seterusnya akan menyentuh tentang pemakaian Songkok dan Capal yang lebih

kepada fungsi kedua-dua pakaian ini dalam budaya masyarakat Melayu yang dikatakan pemakaiannya telah bermula sejak berpuluh tahun yang lepas.

## 5.2 Pemakaian Songkok

Dalam buku *Pakaian patut Melayu*, telah dinyatakan orang yang menetapkan supaya songkok dijadikan pakaian bangsa Melayu ialah Menteri Besar Johor, Dato' Jaafar Hj. Muhammad sewaktu zaman pemerintahan Sultan Ibrahim (Abbas Alwi, 2003:89) dan secara automatik songkok telah dijadikan sebagai pakaian ciri budaya orang Melayu. Bagi kebanyakan orang Melayu menganggap bahawa songkok perlu dipakai oleh orang lelaki sebagai lambang sopan-santun dalam masyarakat beradat dan secara tak langsung memakai songkok juga dapat menggambarkan keteguhan pegangan agama seseorang serta menunjukkan cinta yang sejati kepada bangsa. Kalau dahulu pemakaian songkok biasanya akan dikaitkan dengan orang yang berpelajaran dan agama, tetapi kini pemakaian songkok adalah tertumpu kepada golongan yang berumur yang cuba untuk menutup rambut yang telah beruban dan kepala yang botak, malah mereka juga memakai songkok untuk kelihatan segar dan bergaya.

### 5.2.1 Pemakaian Songkok Dalam Majlis Perkahwinan

Sudah menjadi adat dan tradisi dalam Masyarakat Melayu di mana pemakaian songkok dalam majlis perkahwinan adalah sesuatu yang diharuskan. Sewaktu majlis perkahwinan pengantin lelaki akan diwajibkan memakai songkok terutama sekali sewaktu berlangsungnya upacara akad nikah. Pengantin lelaki akan memakai songkok lengkap dengan pakaian Melayu iaitu bersamping, seluar dan baju Melayu. Songkok yang dipakai oleh pengantin lelaki biasanya lebih cantik daripada songkok yang biasa di mana ianya akan dihiasi dengan kain lace yang lebih cantik dan juga dipakai bersama hiasan batu permata atau keroncang dan pin yang diselitkan dibahagian depan songkok.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap gambar-gambar pengantin dulu-dulu sekitar tahun 1970-an, pengantin lelaki akan memakai songkok bulat yang dililit dengan kain kasa supaya songkok tersebut kelihatan lebih besar dan menarik, malah songkok tersebut akan dihiasi dengan tajuk (mahkota) atau bunga goyang yang bermaksud 'isteriku kekasihku'. Sesetengah daripada mereka juga akan menghiasi songkok dengan bulu ayam yang diletakkan dibahagian atas songkok. Pengantin dulu-dulu juga tak lekang daripada memakai songkok sewaktu duduk bersanding walaupun memakai sut pengantin barat di mana pengantin lelaki memakai kot dan pengantin perempuan memakai gaun, gambaran seperti ini sukar untuk dicari bagi pasangan pengantin Melayu moden hari ini.

Selain dari pengantin, para tetamu juga turut memakai songkok apabila menghadiri sebarang majlis perkahwinan. Dalam sekitar tahun 1960-an bagi mereka yang menghadiri sebarang majlis atau kenduri tanpa memakai songkok boleh dianggap tidak bersopan dan kurang beradat. Tetapi jika diperhatikan pada hari ini menghadiri kenduri kahwin tanpa memakai songkok adalah sesuatu fenomena yang biasa. Kalau adapun yang memakai songkok hanyalah golongan yang telah berumur.

### 5.2.2 Pemakaian Songkok Sewaktu Sembahyang

Agama Islam tidak mewajibkan orang memakai songkok ketika melakukan ibadat sembahyang tetapi disunatkan. Memakai kopiah adalah lebih afdal berbanding dengan songkok hitam. Namun sesetengah golongan masyarakat Melayu menganggap memakai songkok adalah satu kemestian ketika mengerjakan sembahyang. Tetapi bagi masyarakat Melayu yang tinggal di kampung, mereka lazimnya akan memakai kopiah sewaktu mengerjakan sembahyang samada di rumah mahupun di Masjid. Malah berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, golongan muda juga turut memilih kopiah putih apabila menunaikan solat jumaat. Perubahan ini mungkin berlaku kerana gaya hidup orang Melayu moden sekarang yang lebih mengejar masa, kopiah lebih murah dan senang dibawa ke mana-mana dengan hanya melipatkannya di dalam poket baju. Namun demikian, ketika mengerjakan solat sunat Aidilfitri dan Aidiladha mereka

akan memilih untuk memakai songkok kerana hari tersebut diharuskan bagi semua orang untuk memakai pakaian yang cantik dan baru.

### 5.2.3 Pemakaian Songkok Sewaktu Menziarahi Kematian

Songkok juga lazim dipakai apabila seseorang pergi menziarahi kematian sebagai tanda menghormati keadaan dan juga orang yang meninggal dunia. Orang kampung biasanya lebih cenderung memakai kopiah apabila menziarahi kematian. Keadaan ini berbeza pula bagi masyarakat Bandar jika pergi menziarahi kematian mereka biasanya akan memakai songkok. Manakala bagi menziarahi kematian bagi orang-orang yang ternama seperti raja dan orang-orang besar, orang lelaki haruslah memakai songkok yang dililit dengan kain putih.

### 5.2.4 Pemakaian songkok Sewaktu Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha

Sewaktu sambutan hari raya bagi masyarakat Melayu, pemakaian songkok boleh dilihat dengan jelas sekali dari iaitu golongan tua sehinggalah kanak-kanak, mereka akan memakai songkok. Malah masuk pertengahan bulan Ramadhan sahaja, ramai peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan untuk menjual songkok, kita boleh lihat bermacam-macam jenis songkok yang dijual terutamanya di bazaar-bazar dan kaki lima. Pada waktu inilah, pakaian tradisi ini dianggap begitu bermakna terhadap pakaian tradisi ini, malah seakan-akan menyambut hari raya tidak meriah tanpa adanya songkok baru terutama sekali bagi golongan kanak-kanak dan yang paling menarik dan meriah apabila melihat masyarakat Melayu tak lekang daripada memakai songkok apabila mereka saling kunjung-mengunjungi di antara satu sama lain.

### 5.2.5 Pemakaian Songkok Sewaktu Menghadiri Sebarang Upacara/Persidangan.

Memandangkan songkok merupakan sebahagian daripada pakaian budaya orang Melayu, pihak kerajaan sedaya-upaya mengekalkan pemakaian songkok apabila terlibat dengan sesuatu upacara ataupun persidangan yang diadakan sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri. Tujuan utamanya adalah untuk menonjolkan bahawa bangsa Melayu mempunyai pakaian yang dapat menonjolkan identiti orang Melayu yang diwarisi sejak berzaman lagi.

Malah, perhimpunan agung UMNO dan majlis Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan yang diadakankan pada setiap tahun mewajibkan para anggotanya dan tetamunya memakai songkok lengkap berbaju Melayu. Di samping itu juga, ketika negara menyertai acara-acara yang berlangsung di luar negara seperti sukan antarabangsa ataupun kebudayaan, dapat dilihat bahawa anggota rombongan iaitu kaum lelaki akan memakai songkok sebagai lambang duta Malaysia. Penggunaan songkok juga digalakkan terutama kepada pegawai kerajaan ketika menghadiri majlis formal .

### 5.3 Pemakaian Capal

Pemakaian capal di kalangan orang Melayu tidak dapat diterangkan dengan begitu terperinci memandangkan masyarakat Melayu moden hari ini, terutama sekali generasi mudah lebih senang untuk memilih alas kaki yang berasal daripada barat seperti kasut dan sandal dan juga selipar yang ringkas. Kebanyakan generasi hari ini menganggap pemakaian capal adalah sesuatu yang kolot dan tidak *trendy*. Mungkin disebabkan bentuknya yang terlalu tradisional dan terdapat tapak yang lebih tinggi menyebabkan generasi hari ini kurang berminat untuk memakainya. Malah mungkin mereka merasa malu untuk memakainya, jika sekiranya terdapat kawan-kawan yang mengutuk dan menganggap sebagai hero di zaman kesultanan Melayu Melaka. Lantaran itulah yang menyebabkan mereka kurang berminat untuk memakai selipar tradisi ini.

Namun demikian masih terdapat segelintir anak muda yang memakai capal, mungkin mereka yang memakai ini boleh dikatakan sebagai seorang yang berseni di mana mereka boleh digolongkan sebagai orang yang menghargai dan menyedari betapa tingginya khazanah budaya Melayu yang mana penciptaan pakaiannya tidak terhad kepada baju, seluar, pakaian kepala tetapi juga kepada alas kaki. Pemakaian capal boleh dilihat dengan ketara sewaktu menjelang Aidilfitri di mana golongan muda juga turut berminat untuk memakai capal kerana ianya sesuai dipadankan dengan baju Melayu dan songkok yang dapat memberikan pemakainya kelihatan segar dan bergaya.

Malah menjelang Aidilfitri juga, kebanyakan capal-capal yang dijual tidaklah sebanyak penjualan songkok, memandangkan tak ramai yang memilih sandal tradisional ini. Berdasarkan pemerhatian tak ramai yang memakai capal sewaktu ke masjid untuk menunaikan solat sunat Hari Raya, tetapi pemakaian capal sewaktu menjelang Aidilfitri banyak ditonjolkan melalui majalah-majalah yang berbentuk hiburan yang cuba memaparkan artis-artis Malaysia bergaya, memakai baju Melayu lengkap dan juga bercapal. Antara artis yang masih mengekalkan tradisi memakai capal sewaktu hari raya ialah M. Nasir dan juga Rosyam Nor.

Biasanya capal, lebih diminati oleh golongan lelaki yang lebih berumur, berdasarkan pemerhatian ramai golongan lelaki yang berumur dalam lingkungan 35 hingga 40 tahun memilih untuk memakai capal, mungkin mereka menganggap sandal ini lebih sesuai dengan usia mereka. Malah capal juga turut dipakai apabila seseorang itu, apabila memakai pakaian silat, mungkin tenaga-tenaga pengajar silat ini menetapkan pemakaian capal sebagai salah satu pakaian untuk ahli silat, kerana mungkin disebabkan ciri tradisional yang masih dikekalkan.

## 5.4 Kesimpulan

Pemakaian songkok dalam budaya dan kehidupan orang Melayu bukanlah suatu perkara yang boleh membimbangkan kerana pemakaiannya masih dapat dikekalkan sehingga ke hari ini dalam kehidupan orang Melayu memandangkan songkok telah dijadikan pakaian budaya bagi orang Melayu. Tetapi apa yang membimbangkan ialah pemakaian capal yang jelas sekali mula dipinggirkan oleh orang Melayu.

Dalam usaha membina kebudayaan kebangsaan Malaysia walaupun songkok telah diiktirafkan sebagai ciri budaya dan lambang bangsa dan negara Malaysia, namun bangsa lain selain daripada bangsa Melayu masih tidak menunjukkan minat untuk memakai songkok. Kita sepatutnya meniru bangsa dan negara Indonesia yang telah menjadikan songkok sebagai salah satu daripada ciri kebangsaan Indonesia di mana ia tidak dikaitkan langsung dengan agama, semua rakyat Indonesia tidak kira apa agama yang dianutinya memakai songkok. Di Malaysia, pemakaian songkok oleh bangsa lain hanya boleh dilihat di sesetengah universiti yang telah menetapkan songkok sebagai salah satu ciri pakaian kebangsaan yang harus dipakai dalam upacara-upacara rasminya.

Kita juga sepatutnya mengubah pemakaian capal dalam budaya orang Melayu supaya kegemilangan pemakaian capal suatu ketika dahulu berulang kembali dan pemakaiannya tidak terhad menjelang sambutan hari raya sahaja. Malah kita juga boleh menarik minat anak-anak muda hari ini memakai capal dengan mempelbagaikan jenis capal yang terdapat dipasaran misalnya dengan mewujudkan pelbagai warna seperti merah, hijau dan kuning seperti yang telah dilakukan oleh pemilik kedai capal cap Kancil Emas dengan ini secara tak langsung ia dapat menarik minat golongan muda untuk memakai dan membelinya. Memandangkan capal merupakan salah satu daripada pakaian khazanah yang tak ternilai harganya maka kita seharusnya mengambil inisiatif untuk mengekalkannya agar ianya tidak hilang begitu sahaja.

## RUJUKAN

- Abbas Alwi. 2003. *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*. (Pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmad. 1990. *Seni Pertukangan, Seni Bina dan Seni Khat*. Kuala Lumpur: AED Sdn Bhd.
- \_\_\_\_\_. 1990. *Seni Kehidupan dan Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: AED Sdn Bhd.
- \_\_\_\_\_. 2004. 17 Oktober. *Berita Harian*.
- \_\_\_\_\_. 1990. *Kebudayaan Secara Umum*. Kuala Lumpur: AED Sdn Bhd
- Abdul Aziz Deraman. 2001. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badriyah Hj. Salleh. 1996. *Alam Pensejarahan Dari Pelbagai Perspektif*.(Pnyt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dato' Hjh. Ramlah Abas. 2003. *Busana Melayu Melaka Warisan Bangsa*. Melaka: IKSEP.
- Dato' Mubin Sheppard. 1980. *Mekarnya Seni Pertukangan Malaysia*. Kuala Lumpur: Eastern Universities Press (M) Sdn Bhd.
- Dewan Budaya*. 1 Jun 1981. Jilid 3 Bil 6.
- Dr. Wan Abdul Kadir. 1993. *Fenomena II: Mencari Keharmonian*. (Pnyt.). Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Dr. Zainal Kling. 1977. *Masyarakat Melayu*. (Pnyt). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ensiklopedia Malaysiana*. (t.p). 1995. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. 1999. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanapi Dollah. 1997. *Wacana Persuratan Melayu*. (Pnyt). Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mochtar Naim. 1979. *Merantau, Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Yogyakarta. Gadjah Mada University Press.

Mohd Taib Osman. 1983. *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*. (Pnyt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Nona*. 2003. November. Bil 263.

*Pengantin*. 2003. Ogos. Bil 26.

Kamus Dewan. 1994. Ed. Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Katharine Sim. 1963. *Customes of Malaya*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.

*Keluarga*. 2004. Oktober. Bil 105

Khunying Maemas Chavalit. 2000. *Custom in Asean*. (Pnyt.). Jakarta: AseanCommittee On Culture Information.

*Remaja*. 2004. Oktober. Bil 315.

Tsuyoshi Kato. 1989. *Nasab Ibu dan Merantau: Tradisi Minagkabau Yang Berterusan di Indonesia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Utusan Malaysia*. 2004. 17 Disember.

*Wanita*. 2003. Disember. Bil 204

Zainal Abidin Borhan. 1996. *Adat-istiadat Melayu Melaka*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia

## **LAMPIRAN A**

### **SOALAN TEMUBUAL YANG DITUJUKAN KEPADA INFORMAN**

#### **BAHAGIAN A (Latar Belakang Informan)**

1. Nama
2. Umur
3. Bil. Anak
4. Keturunan
5. Daerah Asal
6. Sejarah Merantau
7. Tujuan Asal Merantau
8. Bagaimana Kehidupan di Rantau
9. Tempat Tinggal Sekarang

#### **BAHAGIAN B (Penglibatan Dalam Perusahaan Membuat dan Menjual Songkok/Capal)**

1. Mengapa memilih perusahaan/perniagaan capal dan songkok?
2. Mengapa perusahaan songkok dan capal sinonim dengan keturunan Minangkabau?
3. Sejarah pembukaan kedai?
4. Milik bersama atau persendirian?
5. Bagaiman boleh bermula?
6. Perniagaan di warisi atau tidak?
7. Modal yang digunakan?
8. Tahap Pendapatan?
9. Sejauhmana perniagaan ini dapat menampung kehidupan?
10. Masa depan perniagaan berbanding dahulu?
11. Adakah perniagaan ini akan terus di warisi atau tidak?
12. Sumber modal, samada dari pihak bank atau tidak?
13. Pembelian bahan-bahan untuk bahan-bahan untuk capal dan songkok?
14. Jenis-jenis songkok dan capal yang telah dihasilkan?
15. Harga songkok dan capal?

#### **BAHAGIAN C (Cara Membuat Songkok dan Capal)**

1. Jenis alat yang digunakan?
2. Bahan asas yang digunakan?
3. Langkah memproses/membuat capal dan songkok?





• FOTO ASRIL • TERIMA KASIH DZULDECLASSIQUE

# Aksesori

## penambah seri jejak


Hari lebaran akan menyusul tiba. Pastinya akan disambut dengan penuh meriah! Lengkapi gaya dan penampilan mu dengan aksesori khusus untuk tampil lebih segar. Pilihan butang baju Melayu variasi warna dan bentuk, samping songket bersulam dan capal ini semestinya bakal serlahkan gaya mu di pagi Syawal nanti.



• RM50.00




• RM30.00



• RM60.00



• RM45.00



• RM150.00

# Pemilik kedai capal Jago bangga dua PM jadi pelanggan setia

Oleh AZIMI MUSTAPHA

Jika diperhatikan dari luar, kedai menjual capal di Jalan Perak, berhampiran Bank Simpanan Nasional (BSN) pekan Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) kelihatan tidak mempunyai sebarang keistimewaan berbanding kedai lain di sekitarnya.

Namun di sebalik kedai yang agak usang dimakan usia, tersembunyi suatu keistimewaan yang tidak diperoleh di tempat lain, bukan sahaja di pekan itu, hatta seluruh Pulau Pinang sekalipun.

Percaya atau tidak, kedai usang ini menerima tempahan capal untuk kegunaan pada Hari Raya Aidilfitri ini daripada pelanggan istimewa iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut pemilik kedai capal cap Jago itu, Hashim Hassan, 79, capal istimewa yang dibuat khas mengikut cita rasa kedua-dua pemimpin itu.

Ujarnya, beliau berasa bangga kerana pemimpin nombor satu negara itu mudi menduti tempahan capal di kedainya yang dirasakannya tidak ada sebanding dengan kedai-kedai atau sandal yang terdapat di Kuala Lumpur.



HASHIM HASSAN

Seri Abdullah membeli capal di kedai saya membuktikan beliau seorang pemimpin berjiwa rakyat," katanya ketika ditemui di kedainya di Kepala Batas baru-baru ini.

Capal merupakan sebahagian daripada ciri tradisional orang Melayu yang masih mendapat tempat di hati generasi moden meskipun terpaksa bersaing dengan model kasut dan sandal luar negara.

Menurut Hashim, bharu terdapat pelbagai jenama sandal dan kasut di pasaran. Tetapi capal buatan mereka tidak dapat ditandingi kerana keselesaan.

Katanya, ia dapat dibuktikan apabila kedainya terus dikunjungi bukan sahaja pelanggan tempatan tetapi juga dari luar negeri.

mur malahan ada remaja sanggup datang dari jauh semata-mata untuk membeli sepasang capal.

Jelasnya, permintaan terhadap sandal tradisional itu meningkat menjelang Hari Raya Aidilfitri kerana ia sesuai dipadankan dengan baju Melayu yang memberikan pemakainya kelihatan segar dan bergaya.

"Saya gembira kerana capal yang dikeluarkan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan yang masih mempertahankan salah satu daripada budaya orang Melayu dari luput ditelan zaman.

## Sambutan

"Saya harap sambutan yang diberikan pada masa ini akan diteruskan oleh generasi akan datang demi kesinambungan warisan tradisional Melayu," ujarnya.

Kata Hashim, kedainya menerima tempahan kira-kira 500 pasang capal setiap bulan dan jumlah ini kian meningkat menjelang bulan Ramadhan.

Menurutnya, kebanyakan pelanggan datang dari kawasan utara Semenanjung seperti Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim di Kedah selain Taiping, Ipoh, Kuala Kangsar dan Teluk Anson, Perak.

Hashim berasa bangga kerana sandal tradisional ini masih terdapat di pasaran.

tahun 1959, beliau tidak pernah memohon pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan kerana percaya dapat menguruskannya dengan baik.

Menyimpak sejarah pembukaan kedainya di pekan Kepala Batas itu, Hashim berkata, pada mulanya beliau belajar membuat capal di Pulau Pinang daripada seorang pengusaha yang berasal dari Sumatera sekitar tahun 1940-an.


Bermula dari situ, beliau kemudian berjinak-jinak menjalankan perniagaan membuat capal secara kecil-kecilan sebelum berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1948 untuk mengembangkan perniagaannya.

Beliau menyewa tapak di sebuah pusat perniagaan di Jalan Masjid India (kini dikenali sebagai Wisma Yakin) dan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat di situ.

Sungguhpun, beliau terpaksa pulang ke Pulau Pinang pada tahun 1959 kerana ingin menjaga ibu bapanya yang uzur dan pada masa sama mencari tapak yang sesuai untuk memperluaskan perniagaan capal.

Maknanya, beliau menyewa sebuah kedai kecil di Jalan Perak, Kepala Batas dan memulakan perniagaannya dengan modal sebanyak RM500.

UTUSAN MALAYSIA, KASU 17 NOVEMBER 2004.



AMIRUL Hidayat Hashim menyilapkan capal-capal yang ditempah pelanggan sempena Hari Raya Aidilfitri di kedainya di Jalan Perak, Kepala Batas Pulau Pinang semalam.

Kedai itu masih beroperasi di lokasi awal selang-selang tetapi mengalami sedikit perubahan.

Dalam pada itu, Hashim menegaskan, capal cap Jago pada semua sandalnya diambil sempena semangat juang ayam sabung yang dianggapnya mempunyai kecekatan yang tinggi untuk berjaya.

"Saya harap berbekal semangat ayam jago itu, perniagaan yang saya rancang akan terus maju dan berkembang selang-selang.

daripada orang ramai," katanya.

Kedainya kini diuruskan oleh dua anak lelaki-nya iaitu Amirul Hidayat, 24, dan Badri Shahidan, 23, yang menyambung warisan untuk meneruskan perniagaan capal tersebut.

Sementara itu, Amirul Hidayat berkata, beliau yakin perniagaan tersebut mampu menaikkan kembali kegemilangan pemakaian capal pada suatu ketika dahulu.

Beliau dan adiknya Badri Shahidan berhas-

rat untuk membesarkan perniagaan itu dengan membeli mesin yang dapat mempercepatkan proses membuat capal pada masa depan.

Katanya, pada masa ini, hanya terdapat satu mesin dan kerja menyulam benang masih dilakukan dengan tangan.

"Insya Allah, cita-cita kami untuk membesarkan perniagaan keluarga ini akan tercapai sedikit masa lagi," katanya.

Capal yang dibuat di kedai itu menggunakan

kulit lembu bermutu tinggi dengan kuantiti 80 kilogram sebulan, yang diimport dari Thailand dan Brazil.

Harga sepasang capal pula berbeza-beza mengikut rekaon dan mutu kulit iaitu dari RM28 hingga RM52 untuk pelanggan biasa.

Bagi harga capal untuk pelanggan istimewa terdiri daripada orang kenamaan dan pemimpin yang menampahnya mengikut cita rasa masing-masing ialah sekitar RM200.